

SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

1. NAMA KEJOHANAN

KEJOHANAN PETANQUE DOUBLE OPEN KARNIVAL SUKAN UPM 2018

TEMPAT : **GELANGGANG PETANQUE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

MASA : **8.30 PG SEHINGGA SELESAI**

TARIKH : **10 DAN 11 MAC 2018**

2. PERATURAN AM

2.1 Pertandingan ini adalah tertakluk kepada Undang-Undang Rasmi Permainan Petanque (Official Rules of the Games of Petanque) yang ditetapkan oleh Federation International de Petanque Et Jeu Provincial (FIPJP) dan merujuk Peraturan daripada Persekutuan Petanque Malaysia (PPM) dan peraturan pihak penganjur. Sekiranya terdapat perselisihan dari segi pentafsiran peraturan di dalam Bahasa Malaysia, peraturan dalam Bahasa Inggeris akan dirujuk.

2.2 Semua bantahan berkaitan dengan perkara teknikal akan diputuskan oleh **Jawatankuasa Teknikal Pertandingan.**

2.3 Sebarang keputusan yang dibuat oleh **Pengerusi Kejohanan** atau **Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pertandingan** adalah **muktamad.**

3. ACARA PERTANDINGAN

3.1 Kategori kejohanan ini dijalankan secara double terbuka:

- 3.1.1 Double Lelaki (DL)
- 3.1.2 Double Perempuan (DP)
- 3.1.3 Double Campuran (DC)

4. SYARAT PENYERTAAN

4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua. Hanya 32 regu yang terawal sahaja.

4.2 Setiap pasangan hanya dibenarkan **seorang sahaja pemain Negara (2010-2018).**

4.3 Walau bagaimanapun, keputusan berkaitan syarat penyertaan adalah hak penganjur. Penganjur adalah berhak untuk melakukan sebarang perubahan berkaitan syarat penyertaan tanpa sebarang makluman.

4.4 Setiap penyertaan mestilah didaftarkan melalui makluman (panggilan / aplikasi *what apps/ emel borang penyertaan*) kepada pihak penganjur.

5. YURAN PENYERTAAN DAN HADIAH

5.1 Yuran Penyertaan RM 30 setiap pasukan

5.2 Hadiah

- 5.2.1 Johan : Tunai RM 300 + Medal
- 5.2.2 Naib Johan : Tunai RM 200 + Medal
- 5.2.3 Ketiga : Tunai RM 100 + Medal
- 5.2.4 Keempat : Tunai RM 50 + Medal
- 5.2.5 Kelima – Kelapan: Hamper

6. KELENGKAPAN PERMAINAN

- 6.1 Setiap peserta menggunakan kelengkapan permainan masing-masing, seperti boules, pita pengukur dan sebagainya
- 6.2 Boules mestilah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh FIPJP atau Persekutuan Petanque Malaysia.
- 6.3 Jack pertandingan akan disediakan oleh pihak penganjur dan harus dikembalikan selepas tamat pertandingan.
- 6.4 Pita pengukur bagi tujuan mengukur jarak atau penentuan mata perlu disediakan oleh setiap pemain atau pasukan yang bertanding.

7. PAKAIAN

- 7.1 Pemain dimestikan memakai pakaian seragam pasukan masing-masing. Hanya baju tee berkolar, berseluar *slack / track bottom* dan berkasut sukan sahaja dibenarkan semasa pertandingan
- 7.2 Pihak penganjur pertandingan berhak untuk tidak membenarkan mana-mana pemain menyertai pertandingan ini sekiranya mereka tidak mematuhi peraturan tersebut.
- 7.3 Pakaian yang tertera nama pasukan masing-masing di bahagian belakang adalah dialukan

8. SISTEM DAN FORMAT PERTANDINGAN

- 8.1 Pertandingan pusingan pertama dan kedua akan dijalankan dengan format double knockout (dua kali kalah mati) atau liga berkumpulan. Undian penentuan kumpulan akan dibuat selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum pertandingan atau lebih awal oleh pihak penganjur.
- 8.2 Pertandingan pusingan seterusnya akan dijalankan secara kalah mati.

9. PENGADIL (ARBITRE)

- 9.1 Pihak penganjur bersama jawatan kuasa teknikal pertandingan akan melantik arbitre, dan pegawai teknikal yang bertauliah untuk mengendalikan pertandingan.
- 9.2 Penganjur pertandingan dan jawatankuasa teknikal pertandingan berhak membuat dan mengubah keputusan serta merta sekiranya perlu di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.
- 9.3 Keputusan penganjur/ arbitre/pegawai teknikal adalah muktamad

10. MENARIK DIRI DARIPADA PERTANDINGAN (WALK-OVER)

- 10.1 Pasukan atau peserta yang enggan bermain pada waktu yang dijadualkan adalah dianggap sebagai menarik diri.
- 10.2 Pasukan atau peserta yang menarik diri atau memberi walk-over dalam satu-satu permainan akan hilang kelayakan untuk bermain perlawanan seterusnya. Semua permainan yang telah dilakukannya, dengan sendirinya terbatal.
- 10.3 Pasukan atau peserta dibenarkan menarik diri atau menghentikan permainannya atas sebab-sebab kecederaan atau kesihatan yang sah.
- 10.4 Pasukan atau peserta yang menarik diri secara tidak sah tidak layak untuk memperolehi hadiah

- 10.5 Pasukan atau peserta yang menarik diri dari satu acara tanpa sebab yang wajar akan dirujuk kepada juri bantahan untuk tindakan disiplin.

11. PENGESAHAN KEPUTUSAN

- 11.1 Adalah menjadi tanggungjawab peserta untuk melakukan semakan keputusan, dan seterusnya mengesahkan keputusan pada borang markah bagi setiap perlawanan.
- 11.2 Keputusan yang telah disahkan hanya boleh diubah dengan persetujuan jawatankuasa teknikal pertandingan.

12. RAYUAN

- 12.1 Sebarang rayuan hendaklah dibuat secara spontan (judgement call) oleh pemain semasa pertandingan berlangsung. Pemain boleh merujuk kepada pegawai teknikal atau arbitre.

13. JURI BANTAHAN

- 13.1 Setiap bantahan hendaklah dibuat oleh ketua kontinjen/ pengurus pasukan secara bertulis kepada pihak penganjur dalam tempoh tidak lebih 15 minit selepas tamat sesuatu pertandingan dengan menyertakan wang cagaran sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus sahaja)
- 13.2 Sekiranya bantahan tersebut didapati berasas maka wang cagaran tersebut akan dikembalikan, tetapi sekiranya berlaku sebaliknya, wang cagaran dikira hangus.
- 13.3 Juri bantahan mempunyai ahli seperti berikut:
- 13.3.1 Pengerusi Kejohanan
 - 13.3.2 Ketua Jawatankuasa Teknikal
 - 13.3.3 Ketua Arbitre
 - 13.3.4 Dua (2) orang wakil pengurus berkecuali
 - 13.3.5 Pencatat (tiada hak mengundi)
- 13.4 Juri rayuan mempunyai kuasa untuk membatalkan sesuatu keputusan perlawanan atau membuat lain-lain keputusan dan keputusan adalah muktamad.

14. UNDIAN

- 14.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan pada 9 Mac 2018 jam 3.00 petang di Pusat Sukan, UPM

15. Kembalikan borang yang lengkap kepada Urusetia pertandingan atau melalui email :

URUSETIA KARNIVAL SUKAN UPM

Pusat Sukan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor D.E
Tel. No : 0389471277
Fax No : 0389464280

Untuk Pendaftaran dan pertanyaan sila hubungi :

EN.MUHD SYAFFIQ (017-9805607) (syaffiqmusa@gmail.com)

EN.AZLAN (013-3529709) (lanzz12@yahoo.com)

EN.MOHD HASMIL IZZUDIN (010-2450592) (hasmilharun@gmail.com)